

Headline	RM10 juta untuk jaga, pantau flora, fauna Malaysia		
MediaTitle	Kosmo		
Date	28 Feb 2018	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	3	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	210 cm ²
Journalist	NUR AISHAH MOHD. AMIN	AdValue	RM 5,471
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,412



RM10 juta untuk jaga, pantau flora, fauna Malaysia

Oleh NUR AISHAH MOHD. AMIN

PUTRAJAYA – Pemaju utama Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), China Communications Construction Company (CCCC), memperuntukkan RM10 juta kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) bagi melakukan proses pemuliharaan dan pemindahan habitat flora dan fauna yang terancam akibat pembangunan projek mega tersebut.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Juanidi Tuanku Jaafar berkata, Perhilitan dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan memantau perjalanan projek ECRL sepan-



ABDUL Kadir dan Bai bersalam selepas menandatangani MoA bagi menjaga habitat flora dan fauna yang terjejas akibat projek ECRL di Putrajaya semalam.

jang 688 kilometer (km) itu.

“Dana itu akan digunakan sepenuhnya dalam Pelan Pembangunan Hidupan Liar bagi meminimum dan memantau ke-

san yang bakal berlaku ke atas haiwan dan hutan di sepanjang kawasan pembangunan projek

“Sekiranya ada spesies haiwan atau pokok-pokok yang ja-

rang-jarang ditemui terancam, kita akan pindahkan atau tanam semula di tempat lain,” kata beliau selepas menyaksikan memorandum persetujuan (MoA) antara Perhilitan dan CCCC di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini semalam.

MoA itu ditandatangani oleh Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim dan Pengarah Urusan Eksekutif CCCC Sdn. Bhd., Bai Yinzhan.

Pada 9 Ogos 2017, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyempurnakan majlis pecah tanah projek ECRL di KotaSAS, Kuantan yang menandakan bermulanya projek mega yang menjadi pencetus perubahan dan memangkin pertumbuhan ekonomi di pantai timur.